

Rawatan perubatan akan terus dimampui

Khaw: Perbelanjaan, peluang kerja dan latihan sektor jagaan kesihatan akan ditambah sebagai jaminan

Oleh **ERVINA MOHD JAMIL**
ervinamj@sph.com.sg

PEMERINTAH akan menambah perbelanjaan serta peluang pekerjaan dan latihan dalam sektor jagaan kesihatan sebagai jaminan kepada penduduk Singapura bahawa kos rawatan perubatan masih dimampui walaupun dalam keadaan ekonomi muram sekarang.

Menteri Kesihatan, Encik Khaw Boon Wan, berkata akhir-akhir ini pemerintah telah melaksana beberapa inisiatif baru untuk membantu warga Singapura dari segi kos rawatan perubatan, terutama pada waktu-waktu sukar seperti sekarang.

"Biar saya meyakinkan penduduk Singapura bahawa jagaan kesihatan di sini dimampui semua, sama ada dalam masa-masa baik mahupun sukar.

"Model kewangan jagaan kesihatan 3M kita direka khas untuk ini: kita berjimat dalam Medisave dan mengumpulkan dana dalam Medifund pada masa-masa baik agar dapat membayar kos jagaan kesihatan pada masa-masa sukar.

"Dengan cara ini khidmat jagaan kesihatan yang penting tidak payah ditanggung atau dihentikan kerana beban kewangan. Masyarakat tidak harus bimbang," kata Encik Khaw di

majlis perasmian Poliklinik Queens-town semalam.

Pemerintah telah meluaskan Medifund agar dapat membantu lebih ramai pesakit kurang berkemampuan.

Bajet Medifund tahun ini sebanyak \$74 juta, bertambah 50 peratus berbanding peruntukan tahun lalu, kata Encik Khaw.

► Laporan lain 2

Encik Khaw juga berkata kriteria pendapatan per kapita bulanan bagi Skim Kerjasama Penjagaan Kesihatan Asas (PCPS) telah dilonggarkan sedikit.

Sekarang, pesakit dengan pendapatan per kapita bulanan tidak lebih \$800 layak bagi PCPS, berbanding pendapatan per kapita bulanan tidak lebih \$700 sebelum ini.

"PCPS juga diperluas untuk memberi perlindungan bagi tiga penyakit kronik utama – kencing manis, penyakit lipid dan darah tinggi – berbanding hanya penyakit batuk dan selesema sebelum ini.

"Dengan perubahan ini, warga tua Singapura yang kurang berkemampuan boleh menikmati subsidi bagi rawatan di klinik-klinik rawatan am (GP) dan dikenakan bayaran sama seperti mereka yang dirawat di poliklinik," kata Encik Khaw.

Selain itu, Kementerian Kesihatan (MOH) akan juga menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan bagi warga Singapura dalam sektor perubatan.

Encik Khaw menjangkakan sekitar 6,200 jawatan kosong perlu diisi, dengan 4,500 daripada jumlah tersebut akan dipenuhi dalam masa dua tahun akan datang.

MOH akan juga meluaskan pelu-

ang bertukar kerjaya bagi mereka yang diberhentikan kerja atau yang telah bekerja di sektor-sektor lain, kata Encik Khaw.

Menurut beliau, MOH telah mengetepikan bajet untuk memberi subsidi kepada 250 pemohon pertengahan kerjaya bertukar sektor pada tahun ini.

"Kami sedang juga meningkatkan jumlah biasiswa yang diagihkan kepada pelajar yang berminat dalam bidang perubatan. Tahun ini, kami mengagihkan 250 biasiswa luar negeri dan tempatan bagi pelbagai disiplin perubatan yang berkaitan dan ini merupakan peningkatan berbanding tahun-tahun lalu.

"Kami sedang memantau keadaan dengan teliti dan jika perlu, kami akan melancarkan inisiatif-inisiatif lain untuk membantu warga Singapura mengharungi waktu-waktu sukar ini," kata Encik Khaw.